

<b>Headline</b>	HUS tampung kos rawatan pesakit lebih RM16 juta
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian (Sabah and Sarawak)
<b>Date</b>	17 Jan 2018
<b>Language</b>	Malay
<b>Section</b>	News
<b>Color</b>	Full Color
<b>Page No</b>	2



SAKIT BUAH PINGANG

# HUS tampung kos rawatan pesakit lebih RM16 juta

➔ Penduduk digesa ambil langkah awal cegah penyakit ancam nyawa

Oleh Mohd Latif Ahmad  
bhnews@bh.com.my

■ Kuching

**L**ebih RM16 juta dibelanjakan Hospital Umum Sarawak (HUS) untuk menampung kos perubatan pesakit buah pinggang, tahun lalu.

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak, Datuk Seri Fatimah Abdullah, berkata kos itu dapat dikurangnya jika lebih ramai penduduk menyedari langkah pencegahan penyakit berkenaan.

Beliau berkata, jumlah pesakit buah pinggang yang menjalani dialisis di negeri ini sepanjang

tahun lalu seramai 1,927 orang dan beliau berharap tiada peningkatan jumlah itu selepas ini.

"Biasanya, kegagalan buah pinggang tidak menunjukkan sebarang tanda pada awalnya dan sebab itulah ia dipanggil 'pembunuh senyap'."

#### Buat saringan kesihatan

"Orang ramai harus tahu cara untuk mencegah penyakit kegagalan buah pinggang terutamanya kerap bersenam, mengawal berat badan, mengamalkan diet makanan yang seimbang, mengawal serta memantau kadar kolesterol, tekanan darah dan gula dalam badan termasuk kerap membuat saringan kesihatan,"



Fatimah melihat pesakit buah pinggang menjalani dialisis di CHKMUS-MAA MEDICARE, Kuching, semalam.



Kegagalan buah pinggang tidak menunjukkan sebarang tanda pada awalnya dan sebab itulah ia dipanggil pembunuh senyap"

**Fatimah Abdullah,**  
Menteri Kebajikan,  
Kesejahteraan Komuniti,  
Wanita, Keluarga dan  
Pembangunan Kanak-kanak  
Sarawak

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Lawatan Perkhidmatan Pusat Dialisis Amal CHKMUS-MAA MEDICARE di sini, semalam.

Fatimah berkata, setakat tahun lalu, terdapat sebanyak 46 pusat dialisis swasta di seluruh Sarawak, dengan 415 mesin haemodialisis disediakan untuk kemudahan pesakit.

#### Penderma organ sedikit

"Setiap pesakit buah pinggang perlu menjalani sekurang-kurangnya tiga kali dialisis dalam seminggu yang memakan masa sekurang-kurangnya empat jam satu sesi," katanya.

Sementara itu, Pengurus CHK

Moral Uplifting Society Kidney Foundation, Datuk Tay Chin Kin berkata, dianggarkan kira-kira 100,000 rakyat negara ini akan mengalami masalah kegagalan buah pinggang menjelang 2040, jika tiada usaha untuk mencegahnya.

Beliau berkata, setakat ini terdapat kira-kira 40,000 orang yang menderita penyakit berkenaan dan ia amat membimbangkan kerana rawatan dialisis tidak akan menyembuhkan penyakit ini, kecuali menerusi pemindahan organ.

"Jumlah penderma buah pinggang pula sangat rendah di negara ini. Ia disebabkan kesedaran dalam kalangan masyarakat kita amat rendah," katanya.